

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 413 - Kaedah Mengajar Fizik II

Masa : [2 jam]

---

Jawab **SEMUA** soalan. Mulakan setiap jawapan pada helaian yang baru.

1. Berikan definisi perkataan sains. Bincangkan implikasi definisi sains terhadap kurikulum dan pengajaran fizik.

[20 markah]

2. Apakah yang dimaksudkan dengan pemetaan konsep? Bincangkan kegunaan pemetaan konsep dalam pengajaran fizik dan berikan satu contoh kegunaannya dalam pengajaran fizik.

[20 markah]

3. Bilangan komputer di sekolah adalah terhad. Apakah kegunaan yang sesuai untuk pengajaran berbantuan komputer bagi matapelajaran fizik di sekolah dengan bilangan komputer yang terhad ini? Berikan contoh untuk menjelaskan jawapan anda.

[30 markah]

4. Ujian rujukan norma lebih sesuai daripada ujian rujukan kriteria untuk menilai pencapaian murid fizik di sekolah. Adakah anda setuju dengan kenyataan ini? Berikan alasan-alasan bagi menyokong pendapat anda.

[30 markah]

--- oooo000oooo ---